

0082

U 0558 AAO
MAHATHIR - SEJARAH

MELAKA, 22 JULAI (BERNAMA) -- **PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, RAKYAT PERLU MENGAMBIL IKHTIBAR DARIPADA SEJARAH NEGARA UNTUK TERUS BERUSAHA MENINGKATKAN PEMBANGUNAN NEGARA.**

KATANYA, RAKYAT TIDAK HARUS BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN YANG ADA TETAPI HENDAKLAH MEHPERBAIKINYA DENGAN SEMANGAT KESEDARAN SERTA BERKEYAKINAN.

SESUATU KEJAYAAN TIDAK **KEKAL** MELAINKAN JIKA **DIUSAHAKAN**, **KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN SAMBUTAN MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH DAN KARNIVAL MELAKA 1989 DI PUSAT EKSPLO AIR KERUH, DEKAT SINI, PETANG INI.**

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, RAKYAT TIDAK HARUS MENGGUNAKAN SEJARAH UNTUK MENIMBULKAN KEBENCIAN ANTARA SATU PIHAK DENGAN PIHAK LAIN KERANA MENURUTNYA, SEJARAH ADALAH SEJARAH TETAPI IA TIDAK HARUS DIGUNAKAN BAGI MENIMBULKAN KEBENCIAN ATAU PERMUSUHAN.

MENURUTNYA, JIKA SESEORANG MEMAHAMI DAN MEMPUNYAI KEFAHAMAN BERHUBUNG DENGAN PERKARA YANG SEBENARNYA BERLAKU PADA MASA DAHULU DAN SEKARANG, IA PASTI BOLEH DIJADIKAN TELADAN UNTUK MENGECEP KEBAHAGIAAN. -- LAGI.

2010MST 22 07 89

D083

U B559 A A B
MAHATHIR - SEJARAH 2 MELAKA

+KITA BOLEH BERBANGGA DENGAN EMPAYAR KESULTANAN MELAYU MELAKA SERTA PERSONALITI TERTENTU SEPERTI 'HANG TUAH TETAPI IA HANYA SEBAGAI SATU SEJARAH YANG BERLALU... YANG PENTING BUKAN PERKARA YANG BERLALU TETAPI YANG DIHADAPI SEKARANG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+APAKAH KITA AKAN DAPAT MENCAPAI KEGEMILANGAN PADA MASA DEPAN ATAU BERSERONOK BERCERITA SAHAJA SEPERTI PEMBUKAAN MELAKA PADA ZAMAN DAHULU KALA?+ TANYA **PERDANA MENTERI, SAMBIL MENAMBAH KATA, JIKA RAKYAT ASYIK DENGAN KEADAAN ITU (MENYERONOKKAN), MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT APA-APA KEJAYAAN.**

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: **+KALAU DAHULU KITA BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN, SEKARANG JUGA KITA BOLEH MENCAPAI LEBIH DARIPADA ITU JIKA ADA KEYAKINAN.+**

KATANYA, SIKAP SEDEMIKIAN BUKAN BERERTI SESEORANG ITU SOMBONG ATAU MENDABIK DADA TETAPI SEBAGAI MELAHIRKAN RASA PUAS HATI TERHADAP HASIL USAHA ITU KERANA MENURUTNYA, ZAMAN EMPAYAR SUDAH BERLALU DAN IA TIDAK AKAN BERULANG LAGI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PADA MASA INI TENAGA PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA PERLU DISATUKAN UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA DAN SEHUBUNGAN DENGAN ITU, MASYARAKAT MAJMUK DI NEGARA INI PERLU BERSIKAP TOLERANSI ANTARA SATU SAMA LAIN. -- LAGI.

2012MST 22 07 89

0085

U B561 A A B
MAHATHIR - SEJARAH 3 MELAKA

UMUMNYA, KATA BELIAU, NEGARA DAPAT MENCATASI SEBARANG MASALAH PERSELISIHAN KAUM, BUKAN SEPERTI DI SESETENGAH NEGARA SEHINGGA TERCETUSNYA PERANG SAUDARA YANG MEMBANTUTKAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN.

SEBALIKNYA, DI MALAYSIA RAKYAT DAPAT BEKERJASAMA DAN FAKTOR ITU PERLU DIKEKALKAN UNTUK MENCAPAI PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT KERANA DENGAN KEADAAN TERSEBUT, SETIAP KAUM AKAN MENDAPAT BAHAGIAN MADING-MADING, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT PERLU SEDAR AKAN KEUPAYAAN DALAM MENGURUSKAN NEGARA SERTA MEMAINKAN PERANAN MADING-MADING. +KALAU SESUATU KAUM ITU MENGUTAMAKAN KAUMNYA SAHAJA, HURU-HARA AKAN BERLAKU TETAPI DI MALAYSIA, KESEDARAN TERSEBUT ADA DAN PERLU DIKEKALKAN.+

JIKA DIBANDINGKAN DI KALANGAN NEGARA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK PELBAGAI KAUM, MALAYSIA MENGETUAI KUMPULAN NEGARA-NEGARA ITU TETAPI RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA BERASA BERPUAS HATI MALAH PERLU BERUSAHA LEBIH GIAT, KATANYA.

MENURUTNYA, RAKYAT PERLU MENGINGATI MENGENAI ASAL USUL DAN SEJARAH NEGARA DI SAMPING BERTANYA APAKAH YANG BOLEH DIPEROLEHI DARIPADA SEJARAH ITU KERANA SESUATU KEJAYAAN TIDAK AKAN KEKAL NELAINKAN DIUSAHAKAN. -- LAGI.

2017MST 22 07 89

0086

U B562 A A B
MAHATHIR - SEJARAH 4 MELAKA

MENGENAI SEKTOR PELANCONGAN DI NEGARA INI, PERDANA MENTERI MENASIHATI RAKYAT SUPAYA MELAYANI PEL-ANCONG DENGAN BAIK KERANA MEREKA AKAN MEMBAWA +KEKAYAAN+ KHUSUSNYA SEMPENA TAHUN MELAWAT MALAYSIA PADA TAHUN DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYIFATKAN PENGISYTIHARAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH SEBAGAI +AMAT TEPAT+ DAN RELEVAN.

SEMASA DI TAPAK PERASMIAN PUSAT EKSPLO ITU, PERDANA MENTERI, KETUA MENTERI, DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK SERTA ISTERI MADING-MADING TELAH DIARAK DENGAN REPLIKA KAPAL +FLOR DE LA MAR+ DAN DIIRINGI OLEH GADIS-GADIS YANG MEMBAWA SIRIH JUNJUNG SERTA BERPAKAIAN TRADISIONAL.

PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENYAMBUK KETIBAAN ROMBONGAN BECATON DAN SAGATON YANG TIBA DI PERKARANGAN PUSAT EKSPLO ITU YANG TURUT DISAKSIKAN OLEH LEBIH 10,000 PENGUNJUNG. BELIAU KEMUDIAN MELAWAT GERAI-GERAI DI PUSAT EKSPLO.

SEBAGAI MENANDAKAN BERMULANYA PERAYAAN SAMBUTAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMALU GONG SEBANYAK TIGA KALI DAN SERENTAK DENGAN ITU, SEBANYAK 101000 BELON DILEPASKAN KE UDARA. - - BERNAMA.

2019MST 22 07 89